



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **GARIS PANDUAN DANA INOVASI YAYASAN MUHIBAH TAN SRI FNG AH SENG**

---

*UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN*

**GARIS PANDUAN  
DANA INOVASI YAYASAN MUHIBAH TAN SRI FNG AH SENG  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Dana Inovasi Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng ini akan diselia oleh Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkomersialan (JHP) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang dipengerusikan oleh Pengarah Perundingan, Harta Intelek dan Pengkomersialan(CICO).
- 1.2 Pejabat CICO akan bertindak sebagai urusetia bagi jawatankuasa ini yang akan mengurus dana ini.
- 1.3 Mekanisme pelaksanaan aktiviti penyelidikan inovasi dan pengkomersilan harta intelek adalah bertumpu kepada aktiviti penyelidikan yang telah dijalankan di UMK.
- 1.4 Peruntukan atau dana yang disediakan akan ditadbir secara bersama oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Jabatan Bendahari.
- 1.5 Dana ini boleh digunakan untuk membantu penyelidik mengenal pasti kehendak pasaran dan mengurangkan risiko pelabur dalam membiayai pembangunan produk/projek/teknologi/perkhidmatan yang berisiko ke arah pengkomersilan.
- 1.6 Dana ini tidak boleh dianggap sebagai pelaburan atau ekuiti UMK kepada penyelidik, dan ia tidak boleh digunakan untuk membayar '*bridging finance*' yang telah diterima dari sumber lain.
- 1.7 Dana ini boleh diberikan kepada para penyelidik untuk membangunkan prototaip dan memajukan hasil penyelidikan ke arah pra-komersil, supaya ia dapat bergerak dengan lebih dinamik lalu menarik rakan kongsi dan/atau pelabur.
- 1.8 **Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.**

**2.0 TAKRIF**

“Dana Inovasi Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng” ini bermaksud dana untuk menjalankan penyelidikan inovasi berasaskan masalah atau aktiviti yang mempunyai impak dan nilai intelektual yang tinggi, serta mampu meyelesaikan masalah atau membangunkan produk/harta intelek yang dapat memajukan hasil penyelidikan ke arah pengkomersilan.

**3.0 TUJUAN**

- 3.1 Dana ini diwujudkan adalah untuk menampung jurang pembiayaan dalam penyelidikan yang berinovasi tinggi, berteraskan kepada bidang tujahan penyelidikan Universiti serta melibatkan kepakaran dari pelbagai disiplin. Dana

ini juga bertujuan memberi bantuan sumber kewangan untuk pembangunan hasil penyelidikan ke tahap pengkomersilan.

### 3.2 Perkara yang boleh dibiayai oleh dana ini termasuk :

- i. Pembiayaan projek penyelidikan inovasi yang berasaskan masalah atau aktiviti yang melibatkan kepakaran dari multidisiplin;
- ii. Pembiayaan yuran penyertaan pameran inovasi bagi yang telah merekod hakcipta, memfail pendaftaran atau mempunyai sijil harta intelek;
- iii. Pembangunan dari model skala-makmal ke model prototaip;
- iv. Pembangunan produk/teknologi untuk pasaran bersama rakan kongsi; serta
- v. Aktiviti lain yang boleh menggalakkan kerjasama yang lebih erat dengan komuniti atau pelanggan.

## 4.0 KRITERIA KELAYAKAN

### 4.1 Penyelidikan inovasi

- Kesesuaian projek berasaskan masalah atau aktiviti setempat dan semasa.
- Keunikan projek berbanding dengan projek lain dalam bidang berkenaan.
- Produk, perkhidmatan atau penyelesaian masalah yang memberikan impak penambahbaikan atau potensi kompetitif yang jelas.
- Berada dalam "Tahap Kesediaan Teknologi" 5 dan ke atas. Rujuk Lampiran C.

### 4.2 Harta Intelek

- Mempunyai nilai intelektual yang tinggi dan relevan.
- Mempunyai asas teknologi dan harta intelek (IP) yang kukuh.

### 4.3 Kekuatan kumpulan

- Anggota kumpulan yang memainkan peranan aktif dalam projek tersebut.
- Peneraju utama dalam bidang keusahawanan/teknologi/perniagaan.

### 4.4 Peluang perniagaan

- Projek yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan.
- Mempunyai prospek pertumbuhan yang jelas.

### 4.5 Cadangan projek yang telah mendapat persetujuan awal untuk bekerjasama dengan industri atau agensi lain diberi keutamaan pembiayaan yang menunjukkan kemampuan untuk berkongsi kepakaran dalam penyelesaian masalah atau pembangunan produk.

## 5.0 SYARAT PERMOHONAN

- 5.1 Terbuka kepada semua staf dan UMK; dan
- 5.2 Bagi projek penyelidikan inovasi perlu secara berkumpulan dengan diketuai oleh staf akademik bertaraf tetap; atau
- 5.3 Bagi projek pengkomersilan produk perlu mempunyai harta intelek yang berdaftar atau sedang dalam proses pendaftaran.

## 6.0 SKOP PEMBIAYAAN

Skop pembiayaan adalah mengikut skop yang sedia diguna pakai dalam pengurusan penyelidikan dan pengkomersilan Universiti. Pembiayaan yang dipohon mestilah bersesuaian dengan aktiviti yang dirancang dan disertakan dengan justifikasi yang munasabah.

**Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkomersilan (JHP), UMK berhak menentukan jumlah sebenar yang akan diluluskan dan penambahbaikan hendaklah selari dengan cadangan yang telah diluluskan. JHP berhak menamatkan pembiayaan sekiranya penyelidik menjalankan penambahbaikan yang tidak sama dengan cadangan asal.**

## 7.0 PANDUAN PERMOHONAN PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK (IP)

- 7.1 Penyelidik yang ingin memohon digalakkan untuk mendapat khidmat rundingan dengan Pejabat CICO untuk sesi perbincangan awal bagi menjelaskan peluang dan potensi komersial, serta pembangunan yang ingin dicapai (*gap analysis*).
- 7.2 Penerangan yang ringkas dan jelas tentang teknologi dan '*novelty*' dan status pembangunan semasa.
- 7.3 Maklumat IP dan pemilikan IP yang jelas.
- 7.4 Ringkasan analisis pasaran, termasuk persaingan dan strategi pemasaran.
- 7.5 Memperkenalkan ahli dalam kumpulan dan kepakaran yang ada, serta komitmen yang jelas dari setiap ahli (disertakan CV).
- 7.6 Semua Borang Permohonan(Lampiran B) akan disemak oleh Pejabat CICO dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad.

## 8.0 PEMANTAUAN PRESTASI PROJEK

Laporan kemajuan projek penyelidikan dan pengkomersilan akan dinilai pada setiap tiga (3) bulan dan agihan dana adalah secara berperingkat mengikut '*milestone*' yang telah dipersetujui. Sebarang perubahan pada '*milestone*' dari segi masa dan matlamat yang ingin dicapai, perlu mendapat persetujuan Jawatankuasa JHP.

## TAHAP KESEDIAAN TEKNOLOGI

0	IDEA Konsep yang belum dibukti	IDEA
1	PENYELIDIKAN ASAS Penerangan terperinci konsep dan keperluan inovasi tanpa bukti yang jelas	
2	FORMULASI TEKNOLOGI Formulasi konsep dan aplikasi dipertengahan	
3	VALIDASI KEPERLUAN Hasil projek jelas dan ada permintaan	PROTOTAIP
4	PROTOTAIP BERSKALA KECIL/MAKMAL Dibangunakan dalam terkawal (contoh: makmal)	
5	PROTOTAIP BERSKALA BESAR Diuji pada persekitaran	VALIDASI
6	SISTEM PROTOTAIP Diuji pada persekitaran dengan hasil yang memuaskan	
7	DEMONSTRASI SISTEM Operasi berjalan dalam persekitaran operasi pada skala pra pengkomersilan	PRODUKSI
8	SISTEM KOMERSIL Kesemua proses teknikal dan system sokongan aktiviti pengkomersilan dalam keadaan sedia	
9	APLIKASI PENGKOMERSILAN PENUH Teknologi penghasilan cukup untuk keperluan penerima/pengguna/pembeli	